

Appendix 3: Personal Data Protection Notice

PERSONAL DATA PROTECTION NOTICE NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI BANK NEGARA MALAYSIA (“BNM”)

1. Preamble

Pendahuluan

BNM is committed to ensure the processing of personal data by BNM is in accordance with the Personal Data Protection Act 2010 (“PDPA”). This notice is issued pursuant to PDPA’s requirements to all persons who enter into any dealing or transaction with BNM.

BNM komited untuk memastikan pemprosesan data peribadi oleh BNM selari dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“PDPA”). Notis ini dikeluarkan selaras dengan kehendak-kehendak PDPA kepada semua orang yang melakukan sebarang urusan atau transaksi dengan BNM.

2. Types of Personal Data Processed

Jenis Data Peribadi Yang Diproses

During the course of any dealing or transaction with you, BNM processes personal data which includes but is not limited to personal particulars including name, race, religion, date of birth, age, gender, address, contact details, national registration identity card (NRIC) number, passport number and educational and professional background.

Ketika berurusan atau menjalankan sebarang transaksi dengan anda, BNM memproses data peribadi yang termasuk tetapi tidak terhad kepada butiran peribadi termasuk nama, bangsa, agama, tarikh lahir, umur, jantina, alamat, butiran perhubungan, nombor kad pengenalan, nombor passport dan latar belakang pendidikan dan profesional.

3. Purpose of Personal Data Processing

Tujuan Pemprosesan Data Peribadi

BNM processes personal data for, among others, the following purposes:

- (a) to verify information relating to personal particulars;
- (b) to facilitate the empanelment process;
- (c) other purposes related to the empanelment; and
- (d) other purposes as consented by you in writing.

BNM memproses data peribadi, antara lain, bagi tujuan yang berikut:

- (a) *untuk mengesahkan maklumat berkenaan dengan butiran peribadi;*
- (b) *untuk memudahcara proses pemilihan panel institusi/kolej;*
- (c) *untuk tujuan lain yang berkaitan dengan pemilihan panel institusi/kolej; dan*
- (d) *untuk tujuan lain yang dipersetujui oleh anda secara bertulis.*

4. Failure to Provide Personal Data
Kegagalan Memberi Data Peribadi

The provision of personal data to BNM is necessary and failure to provide personal data may affect BNM's ability to fulfill the purposes under paragraph 3.

Pemberian data peribadi kepada BNM adalah perlu dan kegagalan memberi data peribadi boleh menjelaskan keupayaan BNM untuk melaksanakan tujuan-tujuan yang dinyatakan dalam perenggan 3.

5. Disclosure of Personal Data
Pendedahan Data Peribadi

BNM shall only disclose personal data, on the need to know basis, for the purposes mentioned in paragraph 3 to the following parties:

- (a) regulatory and governmental agencies as permitted or required by law or authorized by any order of court or to meet obligations to regulatory and governmental agencies; and
- (b) other party authorised by you in writing.

BNM hanya akan mendedahkan data peribadi, atas dasar keperluan untuk mengetahui, bagi tujuan yang dinyatakan dalam perenggan 3 kepada pihak-pihak berikut:

- (a) *agensi pengawalselia dan kerajaan sepertimana yang diberi kuasa atau dikehendaki di bawah undang-undang atau perintah mahkamah atau untuk memenuhi obligasi kepada agensi pengawalselia dan kerajaan; dan*
- (b) *pihak lain yang anda benarkan secara bertulis.*

6. Security of Personal Data
Keselamatan Data Peribadi

BNM shall keep all personal data confidential and endeavours to implement the appropriate administrative and security safeguards and procedures in accordance with the applicable laws and regulations to prevent the unauthorized or unlawful processing of personal data and accidental loss or destruction of, or damage to, personal data.

BNM akan menyimpan semua data peribadi secara rahsia dan berusaha, untuk melaksanakan pentadbiran dan perlindungan serta prosedur keselamatan yang sewajarnya selaras dengan undang-undang dan peraturan yang digunakan untuk mengelakkan pemprosesan data peribadi yang tidak dibenarkan atau menyalahi undang-undang dan kerugian atau pemusnahan yang tidak disengajakan atau kerosakan kepada data peribadi.

7. Personal Data Transfer and Sharing
Pemindahan Dan Perkongsian Data Peribadi

Where BNM considers it necessary to facilitate its processes and functions under paragraph 3, BNM may transfer or share relevant personal data within or

outside BNM, under conditions of confidentiality and similar level of security safeguards. Such transfer of personal data will only be permitted to be carried out provided that the same is permitted by law and when BNM is satisfied that there are sufficient security standards to protect the integrity and confidentiality of such personal data.

Sekiranya BNM berpendapat adalah perlu bagi tujuan memudahkan proses dan fungsi dalam perenggan 3, BNM boleh memindahkan atau berkongsi data peribadi yang berkenaan di dalam atau di luar BNM, di bawah syarat-syarat kerahsiaan dan pada tahap perlindungan keselamatan yang sama. Pemindahan data peribadi tersebut hanya akan dibenarkan untuk dilaksanakan sekiranya ia dibenarkan oleh peruntukan undang-undang dan BNM berpuas hati dengan tahap perlindungan keselamatan yang mencukupi bagi melindungi integriti dan kerahsiaan data peribadi tersebut.

8. Retention of Personal Data
Pengekalan Data Peribadi

BNM retains personal data for as long as necessary to fulfil the purposes mentioned in paragraph 3. Such data will be deleted or destroyed in accordance with Jadual Pemisahan Rekod BNM.

BNM mengekalkan data peribadi selama mana yang perlu untuk memenuhi tujuan yang dinyatakan dalam perenggan 3. Data tersebut akan dipadamkan atau dimusnahkan selaras dengan Jadual Pemisahan Rekod BNM.

9. Updates to Personal Data
Pengemaskinian Data Peribadi

BNM shall ensure that personal data processed is accurate and up-to-date. BNM shall be kept informed of any changes to be made to personal data or if the personal data is not accurate.

BNM akan memastikan bahawa data peribadi yang telah diproses adalah tepat dan terkini. BNM hendaklah dimaklumkan mengenai perubahan kepada data peribadi atau sekiranya data peribadi tersebut tidak tepat.

10. Access to Personal Data
Akses kepada Data Peribadi

Under the PDPA, you have the right to access your personal data to ensure that the personal data we hold about you is accurate, complete, not misleading and up-to-date. If you wish to exercise such rights and request access to your personal data, please contact us by completing our "Personal Data Access/Correction Request Form" (as attached) and forwarding it to:

Director of Strategic Human Capital Department
Level 10C
Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur.

(f.a.: Scholarship Section)

Fax : +603-26913027
Email : pdpa@bnm.gov.my

Di bawah PDPA, anda mempunyai hak untuk mengakses data peribadi anda untuk memastikan data yang kami simpan mengenai anda adalah tepat, lengkap, tidak menyeleweng dan terkini. Jika anda ingin menggunakan hak tersebut dan memohon akses kepada data peribadi anda, sila hubungi kami dengan mengisi "Borang Akses/Pembetulan Data Peribadi" (seperti yang dilampirkan) dan hantarkan ke:

Pengarah Jabatan Modal Insan Strategik
Tingkat 10C
Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur.
(u.p.: Seksyen Biasiswa)

Faks : +603-26913027
E-mel : pdpa@bnm.gov.my

Kindly sign and acknowledge that you have read and understood the Notice and you consent to the processing of your personal data by BNM.

Sila tandatangan bagi menyatakan bahawa anda telah membaca dan memahami Notis ini dan anda membenarkan pemprosesan data peribadi anda oleh pihak BNM.

PERSONAL DATA PROTECTION CONSENT FORM

To : Bank Negara Malaysia

I hereby acknowledge that I have read and understood this Personal Data Protection Notice and by signing this, I consent to the processing of my personal data by BNM in accordance with the terms of this notice.

Name / Nama : _____

I/C No. : _____

Date/ Tarikh : _____

PERSONAL DATA ACCESS / CORRECTION REQUEST FORM
BORANG PERMOHONAN AKSES / PEMBETULAN DATA PERIBADI

Name/Nama			
NRIC/Staff Id No. KP/Id Staf		Tel. No./Ext. No. No. Tel/No. Samb.	
Email / Emel			
Type Of Request & Type Of Personal Data Jenis Permohonan & Jenis Data Peribadi		Reason Tujuan	

- I request to access/correct my personal data that is being processed by / Saya memohon akses/membuat pembetulan kepada data peribadi saya yang sedang diproses oleh (“the Data User”/ “Pengguna Data”).

- I confirm that the details above are correct and acknowledge that should there be any incorrect or incomplete information or any circumstances provided under section 32 of the Personal Data Protection Act 2010, the Data User may refuse to give me access to my personal data./ Saya mengesahkan bahawa maklumat-maklumat di atas adalah benar dan mengambil maklum bahawa Pengguna Data berhak untuk tidak memberikan akses data peribadi saya kepada saya sekiranya maklumat di atas mengandungi sebarang kesilapan ataupun tidak lengkap atau terdapat mana-mana keadaan seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 32 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

- I also acknowledge that if the Data User, for whatever reason, is unable to comply with this request within 21 days from today, they would notify me in writing, explaining the reasons, before the 21 days has lapsed. / Saya juga jelas bahawa, sekiranya permohonan ini gagal, oleh apa-apa sebab sekalipun, Pengguna Data akan memaklumkan kepada saya secara bertulis dalam masa 21 hari bermula daripada hari ini untuk menerangkan sebab-sebab permohonan saya ditolak.

- I confirm that all correction that I would make to my personal data, if any, is correct and up-to-date. / Saya mengesahkan bahawa semua pembetulan yang akan saya lakukan terhadap data peribadi saya, jika ada, adalah betul dan terkini.

Signature Tandatangan		Date Tarikh	
--------------------------	--	----------------	--

* Please fill in the name of the department that processes the personal data. / Sila nyatakan nama jabatan yang memproses data peribadi anda.

To be filled in by the Data User as an acknowledgment of receipt / Untuk diisikan oleh Pengguna Data sebagai bukti penerimaan:

Name / Nama			
NRIC/Staff Id No. KP/Id Staf		Ext. No. No. Samb.	
Signature Tandatangan		Date / Tarikh	